



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 6 JUN 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **25 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **6,635 kes** (79.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 6 Jun 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **37 kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **8,303 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 1,551 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan daripada 37 kes baharu yang dilaporkan, 8 kes adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara. Daripada 29 kes penularan di dalam negara, 19 kes adalah bukan warganegara dan **10 kes adalah di kalangan warganegara Malaysia.**

Sehingga kini, seramai lima (5) kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Daripada jumlah tersebut, tiada kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dukacita dimaklumkan bahawa terdapat pertambahan **satu (1)** lagi kes kematian berkaitan COVID-19. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **117** kes (1.41 peratus daripada jumlah keseluruhan kes):

- Kes kematian ke-117 (kes ke-2296) merupakan perempuan warganegara Malaysia berumur 79 tahun. Beliau merupakan kontak rapat kepada kes positif COVID-19 ke-1508. Beliau mempunyai gejala bermula pada 18 Mac 2020 dan telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh pada 26 Mac 2020 setelah disahkan positif COVID-19. Beliau disahkan meninggal dunia pada 5 Jun 2020 jam 2.05 petang.

KKM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga beliau.

PENGGUNAAN ALAT PENUTUP HIDUNG DAN MULUT (FACE MASK)

Seperti yang dimaklumkan sebelum ini, KKM **sangat menggalakkan** pemakaian pelitup muka (*face mask*) atau penutup hidung dan mulut di kawasan umum, terutama sekali di kawasan yang sempit dan sesak.

Pada 5 Jun 2020, pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah memaklumkan mengenai penggunaan penutup hidung dan mulut. Pihak WHO menasihatkan agar individu yang bergejala dinasihat untuk elak daripada keluar rumah, kecuali untuk urusan-urusan yang penting dan bagi mendapatkan rawatan. Sekiranya mereka perlu keluar daripada rumah, mereka perlu menggunakan penutup hidung dan mulut.

Seterusnya, pihak WHO juga menasihatkan pemakaian penutup hidung dan mulut oleh:

1. Anggota kesihatan di fasiliti kesihatan. KKM juga menasihatkan anggota kesihatan untuk turut memakai peralatan kelengkapan diri (PPE) yang bersesuaian apabila bertugas di fasiliti Kesihatan terutama apabila menjalankan prosedur;
2. Warga emas di tempat yang mempunyai penularan jangkitan komuniti; dan
3. Orang awam di tempat yang mempunyai penularan jangkitan komuniti.

Secara prinsip, pemakaian penutup hidung dan mulut perlu diutamakan bagi petugas kesihatan dan juga masyarakat umum yang bergejala. Ini adalah kerana penularan penyakit COVID-19 disebabkan oleh titisan cecair pernafasan (*respiratory droplet*) dalam kalangan komuniti. Orang awam pula digalakkan memakai penutup hidung apabila berada di kawasan yang sesak dan sempit. Ini memandangkan di tempat yang sesak, adalah sukar bagi individu untuk mengamalkan penjarakan sosial (*social distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter dari orang lain.

Walau bagaimanapun, pihak WHO juga menekankan bahawa pemakaian penutup hidung dan mulut sahaja tidak mencukupi untuk membendung penularan jangkitan COVID-19. Diingatkan bahawa penjarakan sosial, amalan kerap mencuci tangan dengan air dan sabun serta lain-lain langkah kesihatan awam patut diterapkan dalam kehidupan seharian. Ini merupakan amalan paling utama yang perlu dilaksanakan oleh semua lapisan masyarakat dalam memerangi COVID-19.

Pihak WHO juga akan terus menjalankan kajian dan akan memberi maklumat terkini kepada semua dari semasa ke semasa.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

Pihak KKM menyeru kerjasama daripada setiap individu agar kita dapat sama-sama membendung wabak COVID-19 dan memastikan rantaian jangkitan COVID-19 diputuskan di Negara. Antara amalan-amalan yang disarankan adalah:

- **Elakkan 3S / 3C:** iaitu elakkan kawasan yang **sesak** (*Crowded place*), elakkan kawasan yang **sempit** (*Confined space*) dan elak sembang atau bertutur dengan jarak yang **dekat** (*Close conversation*).
- **Amalkan 3W:** iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (*Wash*), sangat digalakkan memakai alat penutup hidung dan mulut (*face mask*) di tempat awam atau jika bergejala (*Wear*), dan (*Warn*) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elak bersalaman / bersentuhan;
 - Amalkan etika batuk dan bersin;
 - Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
 - Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
 - Sambutlah perayaan secara tertutup bersama ahli keluarga di rumah sahaja;
 - Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Selain itu, sentiasa ingatlah kepada S.O.P, iaitu:

- **S:** Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah PKPB;
- **O:** Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P:** Penjarakan sosial (social distancing) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

6 Jun 2020 @ 5.00 petang

**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI
MALAYSIA
(SEHINGGA 6 JUN 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
PERLIS	0	18
KEDAH	0	96
PULAU PINANG	0	121
PERAK	0	256
SELANGOR	14 (1)	1,953
NEGERI SEMBILAN	5	910
MELAKA	0	234
JOHOR	0	676
PAHANG	0	363
TERENGGANU	0	111
KELANTAN	0	156
SABAH	0	351
SARAWAK	2	555
W.P. KUALA LUMPUR	15 (7)	2,389
W.P. PUTRAJAYA	0	97
W.P. LABUAN	1	17
JUMLAH KESELURUHAN	37 (8)	8,303

*() adalah merujuk kepada kes-kes import